



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**3 MEI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 12 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 370,800 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 162 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 362,836 orang. Manakala 149 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 148 orang di hospital dan satu (1) orang di fasiliti swasta.. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 12 orang yang berada di ICU/repurposed kritikal care dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 17 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah enam (6) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Keadaan kekal stabil dan terkawal di Sabah dengan 12 jangkitan baharu, susut dua (2) kes berbanding angka semalam.
- b. Tidak ada jangkitan baharu dilaporkan di 22 daripada 27 daerah di Sabah sepanjang 24 jam yang lalu. Kota Kinabalu mencatatkan jumlah jangkitan baharu yang tertinggi dengan 6 kes (+1), diikuti oleh Putatan 2 kes (+2), Tenom 2 kes (+1), Semporna 1 (+1) dan Tawau 1 kes, sama dengan angka semalam.
- c. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia menyatakan semalam bahawa jumlah kes baharu dijangka bertambah selepas perayaan Aidil Fitri. Kita juga meramalkan trend yang sama akan berlaku di Sabah apatah lagi negeri ini juga menyambut perayaan Kaamatan sepanjang bulan Mei.
- d. Tetapi kita boleh mengurangkan angka pertambahan tersebut dengan mengamalkan sikap yang bertanggungjawab semasa menyambut kedua perayaan ini. Patuhi semua saranan KKM dan SOP termasuk penggunaan pelitup muka walaupun tidak lagi mandatori di ruang terbuka.
- e. Data kajian dalam beberapa bulan ini menunjukkan majoriti kes baharu di Sabah berpunca daripada jangkitan sporadik. Atas sebab inilah kita amat menyarankan agar orang ramai terus menggunakan pelitup muka semasa berada di khalayak ramai seperti majlis-majlis sambutan dan perayaan.
- f. 11 daripada 12 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, tidak ada kes dalam Kategori 3 dan Kategori 5. Terdapat satu (1) kes dalam Kategori 4.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	0	0.00%
3	Bergejala	6	50.00%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	6	50.00%
<b>JUMLAH</b>		<b>12</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (2 Mei 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 2/05/2022	Catatan Kes 3/05/2022	Perbandingan
1	Putatan	0	2	+2
2	Kota Kinabalu	5	6	+1
3	Tenom	1	2	+1
4	Semporna	0	1	+1
5	Tawau	1	1	Mendatar
6	Kalabakan	0	0	Mendatar
7	Pitas	0	0	Mendatar
8	Ranau	0	0	Mendatar
3	Kota Marudu	0	0	Mendatar
10	Beaufort	0	0	Mendatar
11	Tambunan	0	0	Mendatar
12	Telupid	0	0	Mendatar
13	Tongod	0	0	Mendatar
14	Nabawan	0	0	Mendatar
15	Kinabatangan	0	0	Mendatar
16	Tuaran	0	0	Mendatar
17	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
18	Sipitang	0	0	Mendatar
19	Keningau	0	0	Mendatar
20	Kunak	0	0	Mendatar
21	Beluran	0	0	Mendatar
22	Sandakan	2	0	-2
23	Kudat	1	0	-1
24	Penampang	1	0	-1
25	Lahad Datu	1	0	-1
26	Kota Belud	1	0	-1
27	Papar	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>12</b>	<b>-2</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	0	4	0	2	6	186
Tenom	0	0	1	0	1	2	23
Putatan	0	0	1	0	1	2	25
Tawau	0	0	0	0	1	1	29
Semporna	0	0	0	0	1	1	14
Sandakan	0	0	0	0	0	0	62
Papar	0	0	0	0	0	0	44
Penampang	0	0	0	0	0	0	54
Kota Belud	0	0	0	0	0	0	18
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	57
Kudat	0	0	0	0	0	0	16
Beluran	0	0	0	0	0	0	10
Kunak	0	0	0	0	0	0	3
Tuaran	0	0	0	0	0	0	47
Keningau	0	0	0	0	0	0	25
Beaufort	0	0	0	0	0	0	15
Kota Marudu	0	0	0	0	0	0	15
Ranau	0	0	0	0	0	0	11
Pitas	0	0	0	0	0	0	3
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	9
Sipitang	0	0	0	0	0	0	9
Telupid	0	0	0	0	0	0	7
Tongod	0	0	0	0	0	0	2
Nabawan	0	0	0	0	0	0	6
Tambunan	0	0	0	0	0	0	16
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	10
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>12</b>	<b>719</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,124 unit.

- Hospital 1,096 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 13.26%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 3 MEI 2022

### i.Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	12
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>

### ii.Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	10
Bukan Malaysia	2
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	1
Belum Menerima Vaksin (5-11)	1
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	0
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	5
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	5
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>

### iv.Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	0
1-4	1
5 -11	1
12-17	2
18-29	2
30-39	2
40-49	1
50-59	1
60-69	1
70-79	0
80-89	1
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 2 Mei 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 414 orang. Daripada jumlah ini, seramai 47 orang adalah penduduk dewasa, 45 orang adalah penduduk remaja dan 322 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 2 Mei 2022 adalah seramai 2,587,134 orang. Ini meliputi 2,134,542 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.57% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,464,011 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,889 orang atau 77.00% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,237 orang atau 78.66% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 319,393 atau 74.94% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 117,355 atau 28.53% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 52,729 atau 12.82% orang..
- 5 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**